

03/10/1998

Syor wujud kod etika antarabangsa media

LMS

MEDIA adalah perantaraan penting dalam penyebaran maklumat kepada orang ramai. Pelbagai maklumat disebarkan kepada orang ramai sebagai berita, maklumat dan mesej.

Orang ramai, terutama masyarakat yang berada di luar kawasan pembangunan, berharap kepada media untuk mendapatkan maklumat semasa.

Ini menunjukkan betapa penting dan perlunya media dalam membangun dan memajukan sesebuah negara.

Namun, seringkali media juga 'menyumbang' ke arah pembantutan kemajuan politik, ekonomi dan sosial sesebuah negara.

Ini berdasarkan perkembangan terkini yang berlaku di Malaysia.

Kejayaan Malaysia melobi untuk menjadi tuan rumah Sukan Komanwel Ke-16 menimbulkan iri hati dan dengki beberapa pihak sehingga menyebarkan maklumat yang tidak tepat dan tidak benar mengenai Malaysia semata-mata mahu menghilangkan rasa keyakinan negara peserta daripada menyertai acara yang berprestij itu di Malaysia.

Tetapi, apabila semua tuduhan dan kenyataan yang dikeluarkan nyata tidak betul dan Malaysia mencapai kejayaan amat membanggakan, suara itu hilang buat seketika dan sekarang ini bertumpu ke aspek lain.

Kegawatan ekonomi yang melanda Malaysia sedang dipulihkan. Usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin lain amat baik dan harus dipuji serta diberi sokongan.

Namun, segala yang baik itu pasti ada ujiannya. Sekali lagi pihak media asing memainkan peranan sebagai anasir jahat yang cuba menggugat usaha murni ini.

Dengan menyebarkan kenyataan tidak benar, mereka cuba mengeksploitasi isu kegawatan untuk memenuhi matlamat mereka.

Isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim turut mendapat liputan menyeluruh daripada media.

Kenyataan bercanggah dan tidak benar inilah yang menjadi punca isu ini diperbesar-besarkan.

Dari mana datangnya punca masalah ini? Ternyata, ia daripada media asing yang sepatutnya menjadi ejen perantaraan dalam usaha memajukan negara.

Tetapi sebaliknya, media asing menjadi dalang dalam memusnah serta menghancurkan sesebuah negara.

Media Barat sememangnya iri hati dan dengki dengan kejayaan Malaysia yang mencapai kemajuan yang amat menggalakkan dalam tempoh 41 tahun kemerdekaan.

Mereka sebolehnya mahu menjajah kembali Malaysia dan mentadbir mengikut cara mereka. Mereka berasa ngeri dan takut apabila membayangkan Malaysia bangkit menjadi satu kuasa besar yang dapat mempengaruhi negara lain.

Kita tidak menghalang media asing membuat liputan mengenai hal-ehwal Malaysia, tetapi yang dikehendaki ialah liputan benar dan daripada sumber kerajaan yang sah.

Bukannya liputan yang menyeleweng. Kadang-kala kerajaan tidak dapat memberi semua maklumat yang dikehendaki. Ini adalah suatu kebiasaan di mana-mana negara sekalipun.

Jadi yang tidak boleh itu, janganlah hendak dikorek sehingga boleh mengelirukan semua.

Penerima maklumat, iaitu orang ramai, harus pandai menapis maklumat yang diterima.

Jangan diterima semuanya. Jika ada sebarang keraguan, rujuk kepada pihak

yang berkenaan.

Apa yang ingin saya sarankan di sini adalah, sekiranya tiada, perlunya satu undang-undang atau kod etika antarabangsa media di peringkat tertinggi dunia.

Ia adalah sebagai satu kawalan dan untuk menyelaras media seluruh dunia.

Tujuannya adalah untuk penyebaran maklumat secara benar dan tidak menyeleweng, tidak mencampuri urusan dalaman sesebuah negara, mendapatkan maklumat daripada sumber kerajaan jika membabitkan liputan antarabangsa dan perkara lain yang boleh mengawal media serta menghalang media daripada menjadi tidak berdisiplin.

Denda serta tindakan yang boleh diambil kepada mana-mana media yang melanggar undang-undang ini bergantung kepada kesalahan yang dilakukan.

Satu mahkamah media antarabangsa juga boleh ditubuhkan bagi tujuan ini.

Kes-kes yang akan dibicarakan adalah yang membabitkan hal-ehwal antara negara yang menjadi kepentingan awam dan bukan kes dalaman negara kerana setiap negara mempunyai undang-undang masing-masing bagi mengadili kes seperti ini.

Cadangan ini memang agak sukar dilaksanakan kerana ia turut membabitkan negara Barat yang sememangnya tidak senang dengan kejayaan orang lain.

Tetapi sesuatu harus dilakukan oleh seseorang dan cadangan ini adalah satu titik tolak dalam menangani masalah ini.

Saya percaya, dengan pembabitan ramai pihak, Malaysia boleh menjadi teraju utama dalam membawa cadangan ini ke peringkat antarabangsa.